



13 Julai 2012

## **Belasah kerana curi ganja**

GEORGETOWN: Ganja dipercayai menjadi punca kejadian seorang pemuda cedera dibelasah seorang penagih dadah di sebuah restoran di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.30 petang itu, suspek berusia 29 tahun memukul kepala pemuda berusia 21 tahun itu dengan kayu.

Suspek berang hingga bertindak demikian selepas mendakwa pemuda berkenaan mencuri ganja miliknya.

Jurucakap polis berkata, berdasarkan siasatan mangsa mempertikai dakwaan suspek menyebabkan berlaku pertengkaran.

Menurutnya, bagaimanapun, mangsa terselamat daripada mengalami kecederaan lebih teruk kerana memakai topi keledar, tetapi mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang (HPP) kerana pening-pening.

Katanya, polis yang menerima maklumat kejadian itu bergegas ke tempat kejadian dan menahan suspek.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 330 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Gan Kong Meng ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengenal pasti punca kejadian.

Menurutnya, pihaknya akan membuat rakaman percakapan kedua-dua mereka itu selain meminta kerjasama orang ramai yang menyaksikan kejadian itu menghubungi IPD Timur Laut di talian 04-2181822 atau balai polis berhampiran.